

ABDULLAH - PERSYARIKATAN

1983

KUALA LUMPUR, 31 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD TELAH MEMPERSETUJUI CADANGAN MAJLIS FORUM MENGENAI 'PERSYARIKATAN MALAYSIA' BAGI MENUBUHKAN MAJLIS FERUNDING PERINGKAT NASIONAL BAGI MENGGIATKAN PENERANGAN DAN MEMBERI PENGIKTIRAFAN TINGGI KEPADA KONSEP ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA TELAH BERSETUJU UNTUK MEMPENGERUSIKAN MAJLIS TERSEBUT YANG DICADANGAN DI FORUM SEHARI ITU YANG DIANJURKAN OLEH INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN) BARU-BARU INI, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DATUK ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI BERCATA HARI INI.

MAJLIS TERSEBUT AKAN DIANGGOTAI OLEH PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KERAJAAN, ANGGOTA-ANGGOTA TERKEMUKA SEKTOR SWASTA DAN MENTERI-MENTERI KABINET, KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MERASHIKAN MESYUARAT AGUNG KE-24 KESATUAN PEGAWAI KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA DI SINI.

FORUM BERTAJUK '+KE ARAH PERSYARIKATAN MALAYSIA+' ITU DISERTAI OLEH 60 ORANG AHLI POLITIK, KAKITANGAN KERAJAAN, AHLI AKADEMIK DAN AHLI PERNIAGAAN SEBAGAI MEWAKILI SEKTOR AWAM DAN SWASTA

FORUM INI, MENURUT BELIAU, TELAH DAPAT MEMBERIKAN IDEA-IDEA YANG BAIK UNTUK MENJADIKAN KONSEP PERSYARIKAT MALAYSIA SATU KENYATAAN DI NEGARA INI. -- LAGI 1444/MK

ABDULLAH - PERSYARIKATAN 2 KUALA LUMPUR

DATUK ABDULLAH BERCATA, KONSEP PERSYARIKATAN BUKAN HANYA DINADIKAN KEPADA KERJASAMA DAN HUBUNGAN BAIK ANTARA SEKTOR AWAM DAN SEKTOR SWASTA, TAPI BOLEH DIPERLUASKAN KONSEP ITU MELIBATKAN KERJASAMA DARI SEGI EKONOMI DAN PERINDUSTRIAN DI PERINGKAT LUAR NEGERI.

BAGAIMANAPUN, SEBELUM IANYA BOLEH DIPERLUASKAN KE LUAR NEGERI, ADALAH BAIK UNTUK MENUMPURKAN PENERAPAN SEMANGAT PERSYARIKATAN MALAYSIA INI DALAM NEGERI, TEGASNYA. -- BERNAMA 1445/MK